

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 10 JANUARY 2017 |

2017 tahun penyampaian untuk kesejahteraan rakyat, negara: PM

BH- 10/1/2017

➔ Penjawat awam diminta elak ketirisan supaya kerajaan tidak hilang kepercayaan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
iwansha@bh.com.my

► Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak mahu penjawat awam menjadikan 2017 sebagai tahun penyampaian dengan keutamaan melaksanakan projek, program, perkhidmatan yang dirancang untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta negara.

Perdana Menteri juga mengingatkan kakitangan awam supaya jangan mengambil hak rakyat dan mengelakkan berlaku ketirisan supaya rakyat tidak hilang kepercayaan kepada kerajaan.

"Semua penjawat awam perlu mainkan peranan, jaga projek, keselamatan... jaga Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), jaga banjir, be-

gitu juga mengenai ketirisan, langkah yang sehari dua ini dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengingatkan kita supaya jangan ambil hak rakyat.

"Kita buat peruntukan, buat program sediakan segala-gala bajet, untuk apa, untuk rakyat, kalau berlaku ketirisan, rakyat hampa dan hilang keyakinan," katanya berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri yang pertama bagi tahun ini di sini, semalam.

Najib juga berharap penjawat awam memberi tumpuan kepada penyampaian, bukan hanya dari segi fizikal tetapi juga nilai kepada rakyat.

"Penyampaian perlu ikut jadual, kalau ada kekangan, halangan atau masalah koordinasi, tolong selesaikan, janganlah kita duduk dalam 'silo' masing-masing, me-

ngatakan itu hak kita, orang lain jangan campur atau ambil peduli, kalau ada sikap seperti ini, kita akan hadapi masalah birokrasi yang keterlaluan," katanya.

Ekonomi dijangka pulih

Menyentuh mengenai ekonomi, Perdana Menteri berkata, melihat kepada senario dunia, 2016 amat mencabar dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, namun 2017 menunjukkan ada sinar harapan dan keyakinan bahawa keadaan akan pulih.

"Antaranya, kita lihat harga minyak sekarang berada pada paras AS\$54 (RM242) satu tong, selepas mesyuarat Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) yang turut dihadiri Malaysia pada tahun lalu (memutuskan mengurangkan pengeluaran minyak mu-

lai Januari ini)

"Harga minyak (ketika itu) berada pada paras AS\$44 (RM197) satu tong, ini ada sedikit sebanyak pemulihan.

"Harga minyak sawit berada pada paras yang agak begitu memberangsangkan, iaitu RM3,200 berbanding RM2,600 bagi minyak sawit mentah (CPO) setiap tan pada 2016. Harga getah pun sudah pulih, difahamkan hampir tiga kali ganda, malah ada pekebun kecil boleh dapat RM100 sehari.

"Ini semua memberi kita rasa keyakinan bahawa sekiranya kita dapat lakukan usaha lebih gigih, kita boleh jadikan 2017 tahun yang berjaya," katanya.

➔ Kerajaan yakin ringgit lebih stabil tahun ini di Ms.B1